

PENYUSUNAN ISI KANDUNGAN AL-QUR'ĀN KEPADA PEMBAHAGIAN MUKA SURAT, HIZB ATAU ^{CAIN}@ MAQRA': KEPENTINGANNYA DALAM BIDANG TAHFIZ AL-QUR'ĀN¹⁹⁷

Mohd Shamsul Hakim bin Abd Samad¹⁹⁸,
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tel: +60194368481. E-mail: shamsul@usim.edu.my

Prof. Madya Dr. Khairul Anuar bin Mohamad, USIM
Dato' Prof. Dr. Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff, UM.
Dr. Sedek bin Ariffin, UM.

Abstrak

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh ulamak semenjak zaman silam hinggalah ke hari ini bagi menambah baik cetakan mushaf al-Qur'ān dari masa ke semasa. Usaha ini telah bermula khususnya semenjak ia dihimpun pada zaman Khalifah Abu Bakar al-Siddiq RA sehinggalah ia dihimpun semula dan disalin cetak serta ditambah baik oleh Khalifah Uthman dan khalifah-khalifah selepasnya. Ini termasuklah penyusunan isi kandungan al-Quran dan pembahagiannya kepada muka surat, hizb dan ^{cain} atau *maqra'*. Usaha-usaha yang dilakukan ini mempunyai tujuan dan kepentingan yang besar khususnya bagi membantu pembacaan dan penghafazan al-Quran khasnya dari kalangan masyarakat ^{cajam}. Justeru, penulisan ini akan membawakan sorotan sejarahnya, di samping menjelaskan lagi tujuan dan kepentingannya dalam usaha memelihara dan memulihara mushaf al-Qur'ān. Tulisan ini turut membawakan perbincangan hukum terhadap penambahbaikan cetakan mushaf secara umum, serta hukum bagi penyusunan isi kandungan al-Quran beserta pembahagian-pembahagiannya secara khusus. Di akhirnya, penulis juga akan menerangkan keperluan dan kepentingannya dalam bidang tahfiz al-Qur'ān serta bentuk aplikasinya pada hari ini.

Kata kunci: qur'ān, hizb, maqra', ^{cain}, rasm, dhabt, fawasil, tahfiz.

Pendahuluan

Al-Qur'ān merupakan kalam Allah yang dijamin pemeliharaannya oleh Allah SWT. Ia telah dipelihara sama ada menerusi hafazan dalam dada para penghafaznya dan menerusi penulisan-penulisan huruf-huruf dan ayat-ayatnya yang telah pun bermula semenjak zaman Nabi SAW.

Semenjak dari al-Qur'ān diwahyukan kepada Nabi SAW, ianya telah diberikan khidmat yang sangat tinggi demi memastikan kemurniaannya terpelihara dan ianya dapat dimanfaatkan sepenuhnya dari generasi ke generasi.

¹⁹⁷ Kertas Kerja ini dibentangkan di Seminar Wahyu Asas Tamadun, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, USIM pada 6-7 Oktober 2021.

¹⁹⁸ Calon Ijazah Sarjana Kedoktoran Pengajian al-Quran, Jabatan Quran dan Hadis, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. shamsul@usim.edu.my

Semenjak dari zaman Nabi SAW juga, para sahabat RA yang telah memberikan khidmat terbaik buatnya dengan menghafaznya, menulisnya dalam lembaran-lembaran yang terpisah seperti di kulit-kulit binatang, tulang belulang, batu-batuan dan lain-lain, selain berjuang untuk mengangkat syiar dan syariatnya ke tempat yang tertinggi bersama-sama dengan Rasul SAW.

Usaha ini tetap diteruskan meski pun setelah kewafatan Nabi SAW dengan pelbagai lagi usaha yang dilakukan oleh mereka khususnya yang melibatkan penambahbaikan-penambahbaikan yang dilakukan tanpa menghilangkan keasliannya atau mencemarkan kemurniaannya selain memberi nilai tambah yang sangat-sangat berfaedah untuk ummah.

Ia telah melalui sejarah perjuangan al-Qur'ān yang panjang untuk dihayati, namun sangat bernilai untuk sama-sama diteliti. Dalam masa yang sama, ia tidak sepatutnya diambil ringan dan diabaikan oleh para pembaca al-Quran dan mereka yang terlibat dalam bidang tahfiz al-Quran serta memanfaatkannya dengan sebaiknya untuk menambah kualiti hafazan al-Quran.

Sejarah Penambahbaikan Cetakan Al-Qur'ān

Al-Qur'ān telah bermula penulisannya pada zaman Nabi SAW. Meski pun begitu ia bukanlah jalan utama bagi memeliharanya kerana ianya dipelihara terlebih utamanya menerusi hafazan yang kukuh dalam dada Nabi SAW dan para sahabat RA. Namun begitu, Nabi SAW tetap mengarahkan para sahabatnya, khususnya yang telah dipilih secara khusus oleh baginda SAW untuk menjadi penulis-penulis wahyu seperti Zaid bin Thābit, Ubay bin Kaab, Mu'āwiyah bin Abu Sufyān, Mu'āz bin Jabal, Abdullāh bin Rawāhah dan lain-lain.

Penulisan al-Qur'ān pada masa tersebut bukanlah dalam lembaran-lembaran yang tersusun, sebaliknya ditulis dalam lembaran-lembaran yang berselerak disebabkan teknologi percetakan belum lagi berkembang maju pada masa tersebut. Ianya telah ditulis di atas kulit-kulit binatang, tulang-belulang, dan lain-lain.

Para sahabat pada ketika itu juga menghafaz al-Qur'ān menerusi penyampaian secara lisan dari mulut ke mulut sama ada daripada Rasul SAW sendiri, atau dari para sahabat lain yang telah pun menghafaznya daripada mulut Nabi SAW.

Setelah kewafatan Nabi SAW, apa yang berlaku dari sejarah beberapa peperangan besar yang berlaku pada zaman Khalifah Abu Bakar RA menyaksikan sebilangan besar para penghafaz al-Qur'ān yang bertanggungjawab memelihara kesucian al-Qur'ān telah terkorban syahid di medan jihad antaranya dalam peperangan menentang kumpulan nabi palsu, peperangan menentang golongan yang keluar agama Islam setelah kewafatan Nabi SAW dan golongan yang enggan membayar zakat. Al-Thauri menyatakan: "Telah sampai perkhabaran kepada kami bahawa terdapat daripada kalangan paras sahabat Nabi SAW mereka itu pembaca al-Quran (para huffaz) telah terbunuh pada hari Musailamah al-Kazzab (peperangan al-Yamamah bagi memerangi nabi palsu), maka telah hilang sebahagian huruf-huruf al-Quran (bacaan Qiraat) (al-Suyuti: 1432H/2011M).

Lalu, timbul kerisauan dalam dada Saidina Umar bin al-Khattab RA yang melihat keadaan tersebut seraya mencadangkan kepada Khalifah Abu Bakar RA agar dimulakan usaha bagi mengumpulkan al-Qur'ān yang sebelumnya berselerakan di atas lembaran-lembaran yang terpisah.

Meski pun pada mulanya Abu Bakar RA enggan untuk menuruti cadangan tersebut kerana bimbang beliau melakukan sesuatu yang tidak pernah dibuat sebelum itu semenjak dari zaman Nabi SAW, namun beliau akhirnya bersetuju dengan saranan tersebut melihat kepada keperluan yang mendesak buat ummah pada masa tersebut demi memelihara kesucian al-Qur'ān dari hilang bersama

hilangnya sebahagian besar penghafaz al-Qur'ān. Lalu bermulalah usaha mengumpulkan lembaran-lembaran tersebut dengan diketuai usahanya oleh Zaid bin Thabit, salah seorang penulis wahyu pada zaman Rasul SAW.

Menurut al-Zurqani, Zaid bin Thabit telah dipilih mengetuai usaha tersebut disebabkan oleh kerana beliau dilihat memiliki kelebihan yang melebihi para sahabat yang lain atas faktor-faktor berikut (al-Zurqani: 1368H/1948M):

1. Menghafaz keseluruhan al-Qur'ān al-Karim,
2. penulis wahyu Rasulullah SAW,
3. menyaksikan pembentangan al-Qur'ān secara keseluruhannya di hadapan Rasulullah SAW setelah sempurnanya penurunan wahyu,
4. dan memiliki kepintaran, keelokan akhlak, tersangat warak, memelihara amanah, dan beristiqamah di atas jalan Islam.

Dalam usaha beliau mengumpulkan al-Qur'ān, beliau telah menetapkan metod pengumpulan al-Qur'ān dengan sangat teliti. Apa yang ditetapkan bagi metod pengumpulan al-Qur'ān ialah (al-Sajistani: 2002):

1. Apa yang telah ditulisnya di hadapan Nabi SAW saat menjadi penulis wahyu bagi Rasul SAW.
2. Apa yang dihafaz dalam dada para penghafaz al-Qur'ān di kalangan para sahabat Nabi SAW.
3. Tidak akan menerima sesuatu yang ditulis daripada al-Qur'ān melainkan didatangkan dua orang saksi yang adil yang memberikan kesaksian terhadap kebenaran bahawa apa yang tertulis itu adalah daripada al-Qur'ān.

Di atas tiga metod inilah, sempurnanya pengumpulan al-Qur'ān yang dibuat oleh Zaid bin Thabit dengan diselia oleh Abu Bakar RA dan Umar bin al-Khattab RA. Lalu apa yang dihimpun oleh Zaid bin Thabit pada masa tersebut disimpan oleh Abu Bakar RA, kemudian disimpan oleh Umar RA selepas kewafatan Abu Bakar RA, dan kemudiannya disimpan pula oleh anak perempuannya Hafsa RAnha setelah dari kewafatannya.

Apabila tiba zaman Uthman bin Affan RA, beliau meminta naskah tersebut daripada Hafsa RAnha bagi meneruskan usaha penambahbaikan pada zamannya yang bermula dari keperluan untuk mengeluarkan lebih banyak cetakan mushaf al-Qur'ān disebabkan oleh peluasan wilayah-wilayah Islam yang menyaksikan lebih ramai orang-orang 'ajam kembali kepada agama Islam yang murni lalu wujudnya keperluan terhadap mushaf-mushaf dalam membantu mereka membaca, menghafaz, memahami dan seterusnya mengamalkan isi kandungannya, kitab suci rujukan utama umat Islam. Orang-orang 'ajam yang tidak memahami bahasa al-Qur'ān (bahasa ^CArab). Ia turut memperlihatkan keperluan mushaf al-Qur'ān dalam bentuk naskah yang tersusun bagi membantu mereka memahami isi kandungannya. Lantaran itu, Saidina Uthman telah memanggil ahli mesyuarat yang terdiri dari para ulama di zamannya bagi membincangkan permasalahan tersebut dan mereka bersetuju agar dibuat usaha menyalin kembali mushaf-mushaf dan dihantar ke bumi-bumi di mana umat Islam berada. Penghantaran mushaf-mushaf ke wilayah-wilayah umat Islam turut disertai dengan arahan bahawa apa yang selain dari naskah yang bakal diedarkan tersebut, kesemuanya dimusnahkan dan tidak lagi dijadikan sebagai rujukan bagi mengelakkan perselisihan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Bagi menjayakan usaha tersebut, Khalifah Uthman RA kembali memanggil Zaid bin Thābit, untuk kembali mengetuai usaha ini iaitu menyalin kembali naskah al-Qur'ān yang telah dikumpulkannya sebelum daripada itu dan ianya disalin kembali menurut kepada cara bacaan al-

Qur'ān (Qirā'āt) masyarakat setempat yang bakal dihantar kepada mereka salinan naskah-naskah tersebut. Beliau turut dibantu 3 orang sahabat yang lain, iaitu Abdullah bin al-Zubair, Sa'id bin al-Ash, Abdul Rahman bin al-Harith bin Hisyam. Ketiga-tiga mereka merupakan para sahabat Nabi SAW yang berasal dari bumi Mekah, sedangkan Zaid bin Thabit pula adalah merupakan orang Madinah. Usaha ini telah dimulakan di akhir tahun ke 24H atau di awal tahun 25H dengan merujuk kepada mushaf yang diperolehi dari Hafsa RA. Lalu, terhasilnya 4 salinan atas apa yang telah diusahakan oleh Zaid bin Thabit dan para sahabatnya.

Mushaf yang disalin pada zaman Saidina Uthman ini dilihat memiliki keistimewaan yang tersendiri. Antara keistimewaannya ialah: (al-Zurqani: 1368H/1948M)

1. Apa yang disalin hanyalah apa yang telah ditetapkan periwayatannya dengan jalan mutawātir sahaja.
2. Mengeneppikan ayat-ayat yang telah dinasakh bacaannya daripada apa yang tidak dikekalkan dalam pembentangan terakhir al-Qur'ān oleh Rasul SAW kepada Zaid bin Thabit.
3. Ia telah disusun mengikut turutan surah-surah seperti yang ada pada hari ini berbeza dengan mushaf pada zaman Abu Bakar yang hanya tersusun ayat-ayatnya, tidak surahnya.
4. Penyalinan semula mushaf pada zaman ini meraikan perbezaan Qirā'āt yang ada seperti yang pernah diturunkan kepada Nabi SAW.
5. Mengeneppikan apa yang ditulis dalam mushaf para sahabat daripada keterangan makna-makna ayat dan keterangan berkenaan *nasikh* dan *mansukh*.

Apa yang dilakukan setakat ini dari usaha-usaha para sahabat RA tersebut telah disepakati oleh ummah seluruhnya akan keperluannya dan tiada yang membantah pelaksanaannya oleh para ulama di setiap zaman tersebut.

Selepas zaman al-Khulafā' al-Rāsyidūn, masih terdapat beberapa lagi penambahbaikan yang dilakukan. Antaranya apa yang telah diusahakan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali pada zaman pemerintahan Mu'awiyah bin Abi Sufyan (45H-53H) untuk meletakkan baris bagi setiap huruf-huruf yang terkandung dalam mushaf al-Qur'ān. Usaha ini dimulakan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali setelah mendengar kesilapan bacaan oleh orang 'ajam disebabkan kesukaran untuk membaca perkataan dalam bahasa 'Arab tanpa bantuan baris.

Manakala pada zaman Khalifah Abdul Malik bin Marwan (75H-95H), dua orang ulama pada zaman tersebut iaitu; Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mur telah mengusahakan agar diletakkan pula titik-titik pada huruf-huruf yang dilihat sama bentuk penulisannya seperti huruf ba' (ب), ta' (ت) dan tha (ث), begitu juga kha (ح) dan kho (خ) serta dal (د) dan zal (ذ) dan lain-lainnya.

Namun apa yang diusahakan oleh keduanya menjadikan ianya kelihatan pada mushaf ketika itu dipenuhi dengan titik-titik disebabkan kaedah meletakkan titik juga digunakan oleh Abu al-Aswad al-Du'ali sebelumnya sebagai pengenalan kepada baris-baris yang terdapat pada kalimah-kalimah al-Qur'ān.

Lalu, Khalil bin Ahmad al-Farāhidi menambahbaik titik-titik bagi tanda baris dalam kalimah-kalimah al-Qur'ān dengan menggantikannya dengan bentuk yang lain. Baris atas ditukarkannya kepada huruf alif (ا) di atas kalimah, baris depan dengan huruf wau (و) manakala huruf hamzah dengan mengambil kepala 'ain (ع) sebagai gantinya.

Penggunaan khat-khat tertentu turut digunakan bagi menyeragamkan penulisan mushaf-mushaf al-Qur'ān bagi tempoh masa tertentu. Contohnya penggunaan khat al-Kūfi digunakan

sehingga kurun ke 5 hijrah, manakala khat al-thuluth digunakan sehingga kurun ke 9 hijrah, manakala khat nasakh pula digunakan selepas dari itu sehinggalah ke hari ini. Pengenalan jenis khat tertentu ini membantu mengesan usia manuskrip lama al-Qur'ān yang berbeza menurut jeni khat yang digunakan di dalamnya.

Kesemuanya menunjukkan kepada usaha yang telah dilakukan oleh para ^ᶜulama bagi menambah baik penulisan dan penyalinan semula al-Qur'ān demi kemaslahatan ummah khususnya untuk memudahkan masyarakat ^ᶜajam dalam membaca dan mengenali al-Qur'ān seterusnya menghafaz, memahami, mengamalkan isi kandungannya serta menghayatinya dalam segenap inci kehidupan mereka. Meski pun ia pada asalnya lebih diperlukan oleh masyarakat ^ᶜajam, namun akhirnya ia turut dimanfaatkan oleh masyarakat ^ᶜArab pada hari ini.

Penetapan Bilangan Kalimah Dalam Sesuatu Baris, Bilangan Baris Dalam Suatu Muka Surat, Dan Penentuan Hizb, Maqra' Atau ^ᶜAin

Pada zaman Nabi SAW, apa yang diketahui daripada pembahagian isi kandungan al-Quran antaranya menerusi penetapan dan pengelasan surah mengikut kumpulan-kumpulan yang dikenali sebagai *al-sab^ᶜa al-thiwal, al-mi'īn, al-mathāni, al-mufassol*.¹⁹⁹ (al-Biqā'i: TT). Ia telah disebutkan dalam hadis yang menerangkan pembahagian ini menurut istilah-istilah yang telah disebutkan tadi. (Ahmad, 1420H/1999M). Apa yang masyhur daripada pembahagiannya pada zaman Nabi SAW ialah apa yang diriwayatkan oleh Aus bin Huzaifah, katanya:

سَأَلْتُ أَصْحَابَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَيْفَ يُحْرَبُونَ الْقُرْآنَ؟ قَالُوا: ثَلَاثٌ، وَخَمْسٌ، وَسَبْعٌ، وَتِسْعٌ، وَإِخْدَى عَشْرَةً، وَثَلَاثَ عَشْرَةَ، وَحِزْبُ الْمُفَصَّلِ وَحَدَهُ.

“Aku bertanya para sahabat Rasul SAW bagaimanakah mereka membahagi-bahagikan (pembahagian) al-Quran? Mereka berkata: Tiga, lima, tujuh, sembilan, sebelas, tiga belas, dan hizb al-mufassal yang tersendiri”. (Abu Daud, 1430H/2009M)

Maksud tiga (3) dalam hadis di atas iaitu tiga surah selepas surah al-Fatihah (al-Baqarah, Ali-Imran, al-Nisā'). Lima pula bermaksud al-Ma'idah, al-An'am, al-A'raf, al-Anfal dan al-Taubah. Tujuh pula bermula dari surah Yunus, Hud, Yusuf, al-Ra'du, Ibrāhīm, al-Hijr dan al-Nahl. Sembilan pula bermaksud al-Isra', al-Kahfi, Maryam, taha, al-Anbiyak', al-Haj, al-Mukminun, al-Nur dan al-Furqan. Sebelas pula bermaksud al-Syu'ara', al-Naml, al-Qasas, al-^ᶜAnkabūt, al-Rum, Luqmān, al-Sajadah, al-Ahzāb, Saba', Fātir, dan Yāsīn. Manakala tiga belas dalam hadis ini pula bermaksud al-Shāffāt, Shōd, al-Zumar, 7 surah yang dimulakan dengan حم, Muhammad, al-Fath, al-Hujurat. Baki surah-surahnya ialah dari surah Qaf hingga ke surah al-Nās. (Tantawi: 1997).

Namun, di zaman selepas itu, antara bentuk lain penambahbaikan penulisan sesuatu mushaf al-Qur'ān ialah penyusunan bilangan kalimah dalam sesuatu baris tulisan al-Qur'ān, begitu juga

¹⁹⁹*al-sab^ᶜa al-thiwal*: al-Baqarah, Ali-Imran, al-Nisa', al-Ma'idah, al-An'am, al-A'raf, al-Anfal, al-Taubah@Yunus, *al-mi'īn*: surah-surah selepas *al-sab^ᶜa al-thiwal* yang mengandungi lebih daripada 100 ayat atau kurang sedikit daripadanya, *al-mathāni*: surah-surah selepas surah-surah *al-mi'īn* kerana ia datang selepas surah-surah *al-mi'īn*, dan *al-mufassol*: surah-surah yang datang selepas *al-mathāni* daripada surah-surah pendek, dinamakan *mufassol* kerana banyak potongan-potongan ayat padanya.

penetapan bilangan baris yang terkandung dalam sesuatu muka surat selain dari pembahagiannya mengikut kepada apa yang diistilahkan sebagai *hizb*, *maqra'* atau *'ain*.

Penambahbaikan ini bukan hanya bertujuan bagi pengurusan penulisan atau percetakan, ia turut mempunyai tujuan yang lain, antaranya membantu memudahkan pengurusan pembacaan dan hafazan ayat-ayat suci al-Qurān.

Penyusunan kalimah bagi sesuatu baris dalam suatu muka surat atau lembaran al-Qurān yang membentuk ayat selepasnya, satu kaedah standard telah dibangunkan oleh para penulis terdahulu bertujuan menyekatakan ruangan penulisan kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Qurān. Bagi suatu baris penulisan ayat-ayat al-Quran, penulis akan membariskan bagi setiap baris 9 atau 10 kalimah.

Ia adalah satu bentuk kepintaran zaman dahulu, di saat belum wujud mesin penyusun kalimah percetakan seperti yang ada daripada teknologi komputer pada hari ini yang berupaya menyusun perkataan-perkataan agar ia menjadi sekata (*justify*) bagi sesuatu baris penulisan bagi dalam sesebuah teks.

Tambahan pula, ia adalah satu bentuk usaha yang berstrategi bagi penyusunan kalimah-kalimah al-Quran, ayat-ayatnya serta surah-surahnya. Bilangan surahnya sebanyak 114 surah, ayat-ayatnya yang berjumlah 6236 ayat dan kalimah-kalimahnya 77,439 kalimah, memungkin satu bentuk penyusunan yang teratur bagi menyiapkan lembaran-lembaran mushaf yang tersusun. (Ibn al-Kathīr: 1420H/1990M).

Selain penyusunan kalimah, ayat dan surah-surah al-Qurān, antara yang diusahakan juga ialah pembahagian isi kandungan al-Qur'ān kepada bahagian-bahagian yang dikenali sebagai *hizb*. Tujuan utama penyusunan isi kandungan al-Qur'ān adalah bagi memudahkan penyusunan pembacaan dan penghafazan al-Qurān.

Berhubung perkara ini, ulama terdahulu telah menulis berkenaan perkara ini. Antara penulisan yang terkenal berkenaan perkara ini ialah kitab *Kūnūz Altāf al-Burhān fī Rumūz Awqāf al-Qurān* yang ditulis oleh Muhammad Sādiq al-Hindī. Ia telah ditulis pada tahun 1290H dan dicetak pada tahun 1367H. Ia dikenali antara kitab awal yang menulis yang tentang penggunaan *waqaf* ج – صلى dalam penulisan mushaf. Naskah manuskripnya telah dihasilkan oleh percetakan Raudah Khairi di Mesir. (al-Hindi: 1368H).



Gambar 1: Salinan Manuskrip Kitab *Kūnūz Altāf al-Burhān fi Rumūz Awqāf al-Qurān*

Dalam tulisannya, penulis telah memuatkan perbincangan berkenaan pembahagian isi kandungan al-Qur'ān kepada *hizb-hizb* dalam fasal ke 11 dalam penulisannya iaitu di bawah perbincangan berkenaan *hizb-hizb* dalam al-Qur'ān yang berjumlah 60 *hizb* keseluruhannya. Menurut beliau, penetapan pembahagian al-Qur'ān kepada *hizb* bermula dari zaman ^CAbbasiyyah, secara khususnya dilakukan oleh Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafiy (Ibn Taimiyyah: 1425H/2004M) dengan perintah daripada khalifah dengan dibahagikan al-Quran kepada 60 bahagian yang akhirnya dinamakan sebagai *hizb*. Ini bererti bagi setiap juzuk al-Qur'ān, terdapatnya 2 *hizb* di dalamnya.

Perkataan *Hizb* yang bererti kumpulan (Ibn Manzur: 1414H) jelas menunjukkan hasrat yang diinginkan dari usaha ini iaitu mengelompokkan ayat-ayat al-Qur'ān kepada kumpulan-kumpulan tertentu.

Beliau turut menjelaskan bahawa tujuan diadakan pembahagian tersebut adalah untuk memudahkan jalan menghafaz al-Qur'ān dalam tempoh setahun atau dua tahun. Tambahnya, sesiapa yang hendak menghafaznya dalam tempoh setahun, maka caranya ialah dengan menghafaz setiap satu *hizb* dalam masa 6 hari secara konsisten sehingga sempurna hafazannya dalam tempoh setahun. Manakala bagi mereka yang menghafaznya dalam masa 2 tahun, mereka hendaklah menghafaz satu *hizb* dalam masa 12 hari.

Satu *hizb* menurut kepada pembahagian muka surat dalam mushaf pada hari ini, ianya melibatkan 4 ^c*ain / maqra*' yang menyamai lebih kurang 10 muka surat. Ini bererti satu ^c*ain / maqra*' bersamaan $\frac{1}{4}$ *hizb*.

Pembahagian *hizb* ini menurut beliau telah meraikan panjang dan pendeknya ayat-ayat al-Qurān, juga meraikan tahap kesusahan dan kemudahan sesuatu ayat. Ini membuatkan sebahagian *hizb* mengandungi bilangan ayat yang mungkin lebih banyak berbanding sebahagian yang lain. Begitu juga sebaliknya. Bilangan *hizb* yang paling kurang bilangan ayatnya adalah disebabkan ayat-ayatnya dikenalpasti sebagai ayat-ayat yang susah untuk dihafaz. Ia kemudian dituruti dengan sebab panjangnya ayat-ayat tersebut menjadikan hitungan ayat itu berkurangan berbanding *hizb* yang lain. Ia turut meraikan awal surah dan bilangan ayat-ayat terkandung di dalamnya untuk dijadikan sebagai permulaan atau pengakhiran sesuatu *hizb*.

Penulis turut menyenaraikan senarai 60 *hizb* tersebut dengan dinyatakan permulaannya dan pengakhirannya dalam bentuk jadual yang tersusun.

Perkara ini turut diperbincangkan oleh Syeikh al-Mukhallati menerusi penulisannya iaitu kitab *Irsyad al-Qurra wa al-Katibin ila Ma'rifati al-Kitab al-Mubin*. (al-Mukhallalāti, TT)

Hal ini tentu sahaja bukanlah satu ketetapan yang mutlak bagi kesemua cetakan al-Qur'ān, bahkan penetapannya kalimah-kalimah, susun atur baris, permulaan dan pengakhiran *hizb* ini dilihat boleh berlaku perubahan padanya. Contoh yang jelas berlaku ialah mushaf cetakan Mujamma' Malik Fahd Arab Saudi telah melakukan perubahan pada permulaan dan pengakhiran sebahagian *hizb* pada pada cetakan-cetakan mushaf di kilang percetakannya.

Tujuan, Kepentingannya Dan Hikmah Dalam Cetakan Mushaf Dan Hafazan Al-Qur'ān

Apa yang telah dijelaskan dalam penulisan sebelumnya bahawa tujuan penyusunan isi kandungan al-Quran melibatkan penetapan Kalimah Dalam Sesuatu Baris, Bilangan Baris Dalam Suatu Muka

Surat, dan Penentuan *Hizb*, *Maqra'* Atau ^c*Ain* Dalam Cetakan Mushaf al-Qur'ān adalah untuk memenuhi dua objektif pertama berikut:

1. Penambahbaikan proses cetakan dan penyalinan semula isi kandungan al-Quran dari masa ke semasa tanpa menjejaskan kandungan asal. Ini kerana ia hanya melibatkan tentang format penyusunan, dan bukannya intipati isi kandungan al-Quran itu sendiri.
2. Memudahkan pembacaan dan penghafazan al-Quran antaranya bagi membentuk konsistensi pembacaan dan penghafazan al-Quran yang bersasar dengan meletakkan target-target tertentu untuk dicapai dalam satu-satu masa contoh membaca sejuzuk satu hari, $\frac{1}{4}$ *hizb* bagi setiap selepas solat, mengkhatamkan bacaan al-Quran dalam tempoh sebulan, menghafaz satu juzuk dalam tempoh sebulan, mengkhatamkan hafazan al-Quran dalam tempoh 36 bulan dan sebagainya.

Objektif yang disasarkan ini dalam masa yang sama telah berjaya menjelaskan kepentingannya sejak dari awal usaha penambah baikannya dalam bentuk sebegini. Ia turut memperlihatkan hikmah yang dapat diambil daripada usaha-usaha yang telah dijalankan khususnya bagi pembaca dan penghafaz al-Quran dari zaman dahulu hinggalah ke hari ini.

Hukum Penyusunan Dan Penetapan Bilangan Kalimah Dalam Sesuatu Baris, Bilangan Baris Dalam Suatu Muka Surat, Dan Penentuan *Hizb*, *Maqra'* Atau ^c*Ain* Dalam Cetakan Mushaf Al-Qur'ān

Melihat kepada tempoh usaha-usaha ini dijalankan, ia dilihat bermula selepas dari zaman penyariatan iaitu selepas zaman Rasulullah SAW.

Ianya adalah bersandarkan ijthad ulama al-Qur'ān pada zaman-zaman berbeza dengan matlamat menambah baik pada penghasilan mushaf-mushaf seiring dengan perkembangan zaman dan keperluan manusia yang berbilang.

Lantaran itu, boleh kita katakan hukum bagi penyusunan dan penetapan bilangan kalimah dalam sesuatu baris, bilangan baris dalam suatu muka surat, dan penentuan *hizb*, *maqra'* atau ^c*ain* dalam cetakan mushaf al-Qur'ān adalah harus bersandarkan kepada konsep *masālih al-mursalah* (al-Mushailihī: 2013) atau konsep *al-Istihṣān* (al-Syatibi: 1412H/1992M). dalam bentuk yang lain. Ia juga dilihat dari aspek kesepakatan umat pada zaman ia dilakukan tanpa ada bantahan ke atasnya sehinggalah ke hari ini. Kesimpulannya, usaha-usaha yang telah dijalankan ini sama sekali tidak merosakkan, mencemar atau mengurangkan kemuliaan al-Qur'ān seperti yang telah diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, bahkan telah terbukti menambahbaik kepada amalan membaca, menghafaz, memahami dan menghayati isi kandungan al-Quran.

Keperluannya Dalam Bidang Tahfiz Dan Aplikasinya Pada Hari Ini

Usaha-usaha penambahbaikan ke atas mushaf al-Quran sejak zaman berzaman turut memberikan manfaatnya kepada bidang tahfiz sehingga ke hari ini. Ini kerana salah satu dari objektif telah menyentuh secara langsung bidang tahfiz iaitu bagi memudahkan penghafazan al-Quran buat para penghafaznya. Antara keperluan bidang tahfiz yang bersangkutan dengan usaha-usaha penambahbaikan yang telah dijalankan seperti yang dibincangkan sebelum ini adalah melibatkan aspek-aspek berikut:

1. Penetapan Sasaran dan Matlamat

Selari dengan tujuan penyusunan isi kandungan kepada muka surat, *maqra'* atau ^c*ain*, dan *hizb*, ia jelas memperlihatkan apa yang telah dilihat oleh ulama al-Quran sedari awal bahawa di sana adanya keperluan untuk menetapkan sasaaran dan matlamat dalam hafazan al-Quran

menurut perhitungan masa, hari, bulan atau tahun agar matlamat menghafaz al-Quran itu dapat dicapai dengan jayanya. Ia pasti turut memberikan impak emosi dan psikologi buat penghafaz al-Quran yang mampu menetapkan sasaran dan matlamatnya berbanding mereka yang menghafaznya tanpa sebarang sasaran atau matlamat.

2. Penyusunan Jadual dan Disiplin

Apabila sasaran dan matlamat telah diletakkan oleh seseorang penghafaz, pastilah ianya akan diikuti dengan penyusunan jadual sesuai dengan sasaran dan matlamat yang telah diletakkan. Jadual yang disusun ini pula akan membentuk disiplin yang akan menghasilkan konsistensi dalam hafazan seseorang bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan. Ia juga akan berubah menjadi suatu budaya yang baik terutamanya bagi bidang tahfiz yang melibatkan institusi atau pusat pengajian.

3. Teknik dan Kaedah

Adanya sistem penyusunan mushaf ini, turut membuka peluang kepada pengenalan kaedah-kaedah dan teknik-teknik hafazan mahu pun muraja'ah al-Qur'ān dijalankan bersandarkan pembahagian-pembahagian yang telah dinyatakan. Antara contoh yang dapat dilihat ialah kebanyakan dari teknik-teknik atau kaedah yang diperkenalkan menyusun turutan hafalannya mengikut turutan muka surat atau *'ain* atau *maqra'* secara turutan yang bersambungan tanpa mengira sama ada ia dimulakan dari bahagian belakang atau depan sesuatu mushaf. Manakala dalam teknik hafazan Turki, hafazan al-Qur'ān pesertanya mengikut turutan muka surat yang terakhir dari setiap juzuk diikuti dengan muka surat yang berikutnya dari setiap juzuk sehingga berakhir keseluruhan hafazan.

4. Mewujudkan Alatan Bantuan Tahfiz Yang Bersesuaian (Mushaf).

Kaedah atau teknik yang diperkenalkan bagi sesuatu model tahfiz akan turut disokong dengan alatan yang bersesuaian khususnya mushaf yang ingin digunakan. Lantaran itu, sehingga kini dapat dilihat kewujudan mushaf dalam pelbagai bentuk bagi memenuhi keperluan pelaksanaan sesuatu kaedah hafazan atau muraja'ah khususnya bagi bidang tahfiz al-Qur'ān antaranya mushaf penuh (30 juzuk), mushaf 5 juzuk, mushaf 1 juzuk, mushaf elektronik dan lain-lain. Buku rekod hafazan guru atau murid juga perlu dibangunkan atas pembahagian hafazan dan muraja'ah yang telah dibahagikan menurut pembahagian yang telah dinyatakan.

Penutup

Sorotan sejarah terhadap perkembangan penulisan al-Qurān bermula pada zaman Nabi SAW sehingga ke zaman percetakan mendapati bahawa para ulamak memberi sumbangan yang terbaik dalam melangsungkan penerimaan al-Qurān kepada generasi berikutnya. Semua penambahbaikan yang mereka lakukan seperti penandaan baris, penandaan titik, alamat waqaf, tanda hizb dan yang berkaitan adalah untuk memudahkan pembaca al-Quran. Hasilnya umat Islam dapat membaca al-Qurān dan menghafaznya dengan secara tersusun. Hafazan al-Qurān menjadi lebih mudah dengan tandaan *hizb* di mana ia memudahkan perkiraan mengikut kumpulan ayat yang telah ditentukan di tepian setiap halaman. Penyusunan isi kandungannya kepada pembahagian muka surat, *hizb* atau *'ain@ maqra'* jelas memiliki kepentingannya dalam proses menghafaz al-Qurān oleh seseorang penghafaz al-Quran. Apa yang telah disediakan oleh para *'ulamā'* silam bagi tujuan memudahkan pembacaan dan hafazan al-Qur'ān ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya dipersiapkan. Justeru, ia perlu diberikan perhatian dan tumpuan oleh mereka yang terlibat dalam bidang ini agar ia dapat

dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses memudahkan penghafazan dan *muraja'ah* hafazan al-Quran di semua peringkatnya.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB), dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang telah memberikan tajaan biasiswa bagi mengikuti pengajian pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya (UM) dalam bidang Pengajian Al-Qur'ân.

Rujukan

- Abū Dāwud, S.A.A.I. (1430H/2009M) *Sunan Abī Dāwud*, Juzuk 2, Dar al-Risalah al-CAlamiyyah, Beirut, 541.
- Ahmad, I.H (1420H/1999M). *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal*, Juzuk 22, Cetakan Kedua, Muassasah al-Risālah, Beirut, 188.
- Al-Baihaqī, A.H.A. (1423H/2003M), *Syī'ab al-Iman*, Juzuk 4, Cetakan Pertama, Maktabah al-Rusyd li al-Nasyr wa al-Tauzi^c, Riyadh, 108.
- Al-Biqā'ī, I.U.H. (Tanpa Tarikh). *Nazm al-Durar Fī Tanāsub al-Āyāt wa al-Suwar*, Juzuk 8, Dar al-Kitab al-Islami, Kaherah, 357.
- Al-Hindī, M.S. (1367H). *Kunuz Altāf al-Burhān fī Rumūz Awqāf al-Qur'ān*, 41.
- Al-Mukhallalāti, R.M.S. (Tanpa Tarikh). *Irsyād al-Qurrā' Wa al-Kātibīn Ila Ma'rifati al-Qurrā' wa al-Kātibīn*, Maktabah al-Imām al-Bukhārī li al-Nasyr wa al-Tauzi^c.
- Al-Mushailihī, A.F.M. (2013). *al-Flam fī Syarh Usūl al-Ahkām*, Maktabah al-Ulūm wa Al-Hikam, al-Syarqiyyah, Mesir, 152.
- Al-Suyūti, A.R.A.B. (1432H/2011M). *Al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr*, Dar al-Fikr li al-Nasyr wa al-Tauzi^c, Beirut, 179.
- Al-Syātibi, I.M.M. (1412H/1992M). *al-Ftisham*, Cetakan Pertama, Juzuk 2, Dār Ibn ^cAffān, Arab Saudi, 635.
- Al-Zurqāni, M.A.A. (1367H/1948M). *Manāhil al-^cIrfān*, Cetakan Ketiga, Percetakan Isa al-Bab al-Halabi wa Syarikāh, Kaherah, 250, 260-261.
- Ibn Abī Dāwud, A.B.S. (2002), *Kitāb al-Mashahif li Ibn Abi Dāud*, Dar al-Farūq al-Hadīthiyyah li al-Thiba^cah wa al-Nasyr, Kaherah, 26.
- Ibn Kathīr, I.U.K. (1420H/1990M). *Tafsīr al-Quran al-^cAzeem*, Juzuk Pertama, Cetakan Kedua, Dār al-Taibah li al-Nasyr wa al-Tauzi^c, Beirut, 98.
- Ibn Manzūr, M.M.A (1414H). *Lisān al-^cArab*, Cetakan Ketiga, Dar al-Sōdir, Beirut, 308.
- Ibn Taimiyyah, A.A.H (1425H/2004M). *Majmū^c Fatāwā Syeikh al-Islām Ahmad bin Taimiyyah*, Juzuk 13, Kementerian Agama, Dakwah dan Penerangan Arab Saudi – Percetakan Mushaf al-Quran al-Malik Fahad, Madinah al-Munawwarah, 405.
- Tantāwi, M.S. (1997M). *Tafsīr al-Wasīl Li al-Qu'rān al-Karīm*, Juzuk Satu, Cetakan Pertama, Dar Nahdhah Misr Li al-Thiba^cah wa al-Nasyr wa al-Tauzi^c, Mesir, 37.